

## **“MAKMAL PENINDASAN” DI TIMUR TURKISTAN: AGENDA TINDAKAN (CATATAN OLEH OMER KANAT) UHRP –**

Ucapan oleh Omer Kanat, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif, Kongres Uyghur Sedunia dan Pengarah Eksekutif, Projek Hak Asasi Manusia Uyghur 10 Disember 2019.

Krisis Uyghur: Makmal untuk Penyalahgunaan Hak Persidangan Brussels, Belgium di Parlimen Eropah

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penganjur, rakan panel saya, dan para hadirin yang menyertai kami di sini pada hari ini.

### **Agenda Tindakan bagi Bidang Perubatan, Sainifik dan teknikal**

Ramai penceramah telah menjelaskan bahawa: Bidang perubatan dan saintifik perlu menyedari risiko komplikasi besar penglibatan bersubahat dalam jenayah hak asasi manusia yang mengerikan di Timur Turkistan.

UHRP juga telah mengumpulkan bukti yang menunjukkan satu jenis jenayah perubatan yang lain. Salah seorang yang terselamat daripada kem memaklumkan kepada kami katanya, dalam setiap dua minggu, pengawal-pengawal penjara akan datang ke penjaranya dengan memakai kot makmal perubatan. Mereka akan mengambil darah yang secukupnya daripada lengan kami untuk mengisikan 5 tiub besar. Tiub-tiub tersebut adalah jauh lebih besar daripada bekas ujian darah yang biasa. Kami tidak memahami situasi ini pada mulanya. Jadi kami menanyakan soalan ini kepada mereka: Jika bukan untuk tujuan ujian darah, mengapa banyak sangat darah diambil? Salah satu kemungkinan bagi penjelasan ini adalah syarikat yang membekalkan produk yang berkaitan dengan darah mungkin mendapatkan plasma darah daripada banduan-banduan Uyghur. Jikalau ia adalah benar, syarikat-syarikat pembekal perubatan China mendapat keuntungan daripada kem-kem tahanan tersebut. UHRP diseru untuk menyelidik dengan lebih lanjut berhubung perkara ini.

UHRP perlu sertai dalam seruan bagi penarikan balik penyelidikan perubatan dan saintifik yang berasal daripada negara China jika ia tidak menepati piawaian etika antarabangsa. Perkara ini bukan tanggungjawab para penyelidik hak asasi manusia untuk mencarikan dokumentasi berhubung dengan isu dan masalah etika. Beban pembuktian terletak pada penyelidik, untuk menunjukkan bahawa mereka telah mengikuti piawaian etika seperti yang digariskan.

Beban pembuktian jelas terpakai kepada keseluruhan industri pemindahan organ. Perkara ini telah lama tertangguh untuk pihak dalam bidang perubatan antarabangsa bertindak. Kita tidak memerlukan pembuktian dokumentasi secara langsung mengenai pembunuhan banduan dalam skala besar untuk mendapatkan organ. Melainkan sistem perubatan China membina satu sistem perolehan organ yang telus dan bertanggungjawab, jika perkara seumpama ini tidak dilaksanakan, maka keseluruhan industri pemindahan organ dinegara tersebut mesti dilihat sebagai tidak beretika.

Telah ditunjukkan bahawa sistem perolehan organ negara China tidak menepati piawaian etika antarabangsa. Oleh itu, seluruh dunia perlu menghentikan perniagaan seperti ini. Semua kerjasama dengan industri pemindahan organ di negara China perlu dihentikan. Pakar bedah yang berada di hospital-hospital negara China patut dinafikan pencapaian mereka. Penyelidikan pemindahan yang dikendalikan di negara China perlu dimansuhkan dari penerbitan dalam sebarang jurnal-jurnal antarabangsa. Pakar bedah dalam bidang ini juga perlu dilarang daripada menghadiri persidangan antarabangsa dan pertukaran kepakaran.

Setiap hospital antarabangsa dan juga jurnal perubatan perlu menanyakan soalan ini : Sedia maklum bahawa negara China tiada sistem yang menjamin sumber untuk mendapatkan organ secara beretika, bagaimana kita boleh begitu pasti bahawa mana-mana pemindahan organ bukanlah didapatkan daripada salah seorang bangsa Uyghur daripada jutaan mereka yang telah hilang ke dalam kem-kem tahanan dan tidak dapat dijumpa lagi?

Syarikat-syarikat bioteknologi antarabangsa juga berada dalam risiko yang tinggi jika mereka bersubahat terlibat sama dengan perbuatan kerajaan ataupun program-program anjuran universiti dari China. Seperti yang anda tahu, *Thermo Fisher Scientific* telah membekalkan penjujukan DNA yang digunakan oleh pihak-pihak berkuasa di Timur Turkistan.

Selain daripada syarikat-syarikat dan kepakaran-kepakaran perubatan, pihak universiti juga perlu mengambil tindakan yang serius berhubung isu ini. Setiap universiti perlu mengendalikan penilaian yang ketat terhadap semua projek yang dikendalikan bersama rakan sejawat dari China. Adakah penyelidik-penyelidik terlibat dalam "kepolisan ramalan" Orwellian dan pemprofilan kaum. Adakah penyelidik-penyelidik tersebut bekerja dengan institusi dari China dalam sistem pengecaman muka, pengecaman suara, kecerdasan buatan, "bandar selamat" ataupun "bandar pintar"? Kesemua penyelidik yang menggunakan sampel tisu manusia ataupun DNA juga perlu dipandang sebagai suatu isu yang serius.

Sebilangan para sarjana antarabangsa barang kali merasakan perkara ini dibicarakan terlalu jauh. Mereka mungkin mengatakan bahawa rakan-rakan penyelidik berusaha dan bertindak sedemikian adalah bermatlamat untuk menyelamatkan nyawa. Namun ini adalah suatu khayalan untuk beranggapan bahawa beberapa penyelidikan tertentu dapat dipisahkan daripada penindasan dan ideologi totalitarian negara China. Perkara ini tidak boleh diterima untuk terus berniaga seperti biasa dengan negara yang menggunakan teknologi terkini bagi tujuan jenayah yang mengerikan terhadap manusia.

Perkara ini merupakan satu pengajaran besar buat dunia, dan perlu mengambil iktibar daripada "makmal penindasan" di Timur Turkistan. Sebuah negara yang berupaya untuk menahan 2 ataupun 3 juta orang Uyghur dalam kem-kem tahanan dan kilang-kilang buruh paksa, membuktikan bahawa adalah mustahil untuk memastikan teknologi-teknologi inovatif akan digunakan dengan cara yang menghormati hak asasi manusia. Pengajarannya adalah sangat mudah: perniagaan seperti yang biasa dilakukan perlu dihentikan.

### **Agenda Tindakan untuk Kerajaan**

Semua negara perlu menghentikan perniagaan seperti biasa. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh '*New York Times*', jika semua negara bertindak seperti yang dikehendaki, maka ia adalah "permainan tamat" bagi kerajaan China untuk menutupi jenayah-jenayah yang telah dilakukannya.

Dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh '*New York Times*' adalah berguna untuk mengesa pemimpin-pemimpin Eropah untuk mengulang semula permintaan mereka untuk mendapatkan capaian akses ke Timur Turkistan oleh badan bukan kerajaan. Namun, adalah hampir mustahil untuk para delegasi badan bukan kerajaan untuk mendapat akses ke wilayah tersebut.

Oleh itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu mengendalikan satu tinjauan dengan tidak menunggu untuk mendapatkan akses perjalanan ke wilayah tersebut. Terdapat banyak bukti yang boleh dipercayai telah dikumpulkan. Bukti terbaru yang diperolehi merangkumi ucapan rahsia oleh pemimpin parti. Turut terdapat bukti lain yang telah disahkan berulang kali lebih daripada setahun: mengandungi imej satelit, keterangan saksi dan dokumen bidaan kerajaan bagi kelengkapan kem tahanan. Kita turut mempunyai bukti pangkalan data atas talian, menjejak jutaan orang Uyghur di Timur Turkistan. Kita mempunyai rakaman dron menunjukkan pemindahan banduan secara rahsia.

Secara ringkasnya, pihak-pihak berkuasa seperti Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu pergi lebih jauh untuk mendapatkan akses ke wilayah tersebut. Hasrat untuk menghentikan seksaan terhadap orang Uyghur tidak boleh menunggu kerajaan China untuk bersetuju dengan pemantauan oleh pihak antarabangsa.

Selain daripada menulis satu laporan yang konklusif, apa yang perlu pihak negara lakukan? Sekarang adalah masa untuk melaksanakan sekatan.

### **Sekatan**

UHRP menyambut baik sekatan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat baru-baru ini. Pada 1 Oktober, Kastam Amerika Syarikat dan Pesuruhjaya Perlindungan Sempadan melakukan sekatan terhadap Hetian Taida, satu syarikat swasta yang telah terbukti menggunakan buruh tahanan dalam kilang pembuatan pakaiannya. Perlu banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk menghentikan perniagaan dengan syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan terhadap krisis ini. Syarikat yang telah dinyatakan tadi hanyalah setitis air dalam lautan biru yang besar.

Pada 7 Oktober, Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat mengharamkan rakyat Amerika untuk menjual eksport terhadap 28 syarikat dan juga agensi dari China. Syarikat-syarikat tersebut bertegas untuk menjadi "terlibat dalam pencabulan hak asasi manusia dalam pengamalan pelaksanaan kempen penindasan oleh China, dengan sewenang-wenangnya dan secara besar-besaran, serta melaksanakan pemantauan dengan menggunakan teknologi yang canggih terhadap orang Uyghur, Kazakh dan lain-lain."

Pada 8 Oktober, Jabatan Negeri Amerika Syarikat telah mengumumkan larangan visa terhadap pegawai yang bertanggungjawab terhadap penyalahgunaan kuasa di Timur Turkistan.

Pada masa kini, ahli Senat dan Dewan Amerika Syarikat telah mengundi ke atas dua rang undang-undang yang berkaitan dengan orang Uyghur dengan margin yang luar biasa. Rang undang-undang bagi Senat telah diluluskan dengan sebulat suara pada 11 September. Namun, Dewan telah meluluskan satu lagi rang undang-undang secara sedikit berlainan pada 3 Disember, dengan margin 407 kepada 1. Senat telah memohon supaya Dewan meluluskan tindakan susulan, untuk meluluskan rang undang-undang tersebut dengan senada, supaya perundangan ini dapat dihantarkan untuk ditandatangani oleh Presiden sebelum Disember berakhir.

Berdasarkan undian bersejarah ini, negara-negara Eropah harus bergerak dengan pantas, dan tidak lagi memberi alasan untuk teragak-agak dalam mengambil tindakan berhubung perkara ini.

Kesemua negara perlu bersama-sama melaksanakan sekatan secara berkoordinasi supaya negara China tidak dapat memilih mana-mana negara sebagai sekutu dan melakukan tindak balas. Sekatan-sekatan perlu merangkumi penafian visa dan pembekuan aset-aset. Negara-negara juga perlu mengemas kini sekatan Tiananmen - Kesatuan Eropah-Amerika Syarikat, dengan menambahkan sekatan tambahan. Mereka sepatutnya menanggungkan dana bagi pertukaran pendidikan dan penyelidikan antara negara. Mereka perlu mengambil tindakan yang lebih agresif untuk memastikan tiada barangan buruh paksa masuk ke negara-negara mereka, khususnya kapas dan tekstil. Pengimport juga sepatutnya tidak mendapatkan keuntungan dengan menandatangani perjanjian dengan syarikat-syarikat yang menggunakan buruh penjara dan buruh hamba daripada kalangan Uyghur dan Kazakh.

Negara-negara sedunia perlu mengharamkan syarikat-syarikat mereka daripada mengeksport peralatan-peralatan teknologi tinggi yang digunakan oleh kerajaan negara China bagi tujuan pemantauan dan pemprofilan kaum. Ia adalah tidak mencukupi dengan hanya menyeru kepada "usaha wajar". Usaha wajar adalah mustahil dalam rantau dimana manusia dihantarkan ke penjara untuk diseksa atas satu perkataan yang bertentangan arahan kerajaan.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, "makmal penindasan" di Timur Turkistan menuntut tindakan daripada pelbagai pihak institusi. Persidangan kita pada hari ini menjelaskan kepada para universiti, pihak hospital, dan syarikat-syarikat perubatan bahawa kita tidak boleh berpura-pura tidak mengambil tahu tentang isu ini. Industri kapas dan syarikat-syarikat teknologi juga patut mengambil maklum. Pihak '*World Bank*' dan juga acara sukan Olimpik juga berada dalam tempat yang berisiko tinggi untuk bersubahat dengan jenayah yang dilakukan oleh negara China. Sejarah sedang memerhati, dan pengajaran yang diperoleh adalah sangat mudah: perniagaan seperti biasa tidak patut berterusan.